

19/04/2003

Penaja 25 bahagian baru belum diputus

KUALA LUMPUR: Umno belum membuat keputusan mengenai penubuhan jawatankuasa penaja di 25 bahagian baru yang diwujudkan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam turut membincangkan perkara itu, tetapi tidak membuat keputusan.

"Belum lagi (keputusan), saya hanya membayangkan kepada MT tentang perlunya nanti jawatankuasa penaja diwujudkan apabila kawasan baru sudah diwartakan dan diwujudkan secara rasmi.

"Kita akan bincang kemudian mengenai perkara itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat lebih tiga jam di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang bercuti dan kembali dari Jepun, kelmarin, hadir sama pada sesi pertama mesyuarat itu untuk selama kira-kira dua setengah jam.

Baru-baru ini, Dewan Rakyat meluluskan dua usul mengenai laporan kajian semula dan persempadanan bahagian pilihan raya bagi semua negeri, kecuali Sarawak, yang dibentangkan secara serentak. Usul itu mengesyorkan tambahan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Bagaimanapun, semua kerusi baru itu hanya boleh ditandingi selepas pindaan fasal 46 Perlembagaan Persekutuan diluluskan pada sidang Dewan Rakyat, Jun depan.

Abdullah juga berkata, beliau menemui Dr Mahathir pagi semalam dan menjemputnya untuk menghadiri mesyuarat MT bagi memberi pandangan mengenai pelbagai isu.

"Dr Mahathir setuju untuk hadir jika saya mempengerusikan mesyuarat. Jadi Dr Mahathir hadir untuk sesi yang pertama saja bagi membincangkan serangan Amerika terhadap Iraq," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, MT bersetuju menyambut ulang tahun ke-57 Umno di Stadium Merdeka, 11 Mei ini, yang dijangka dihadiri kira-kira 40,000 ahli Umno.

Katanya, semua badan perhubungan Umno negeri juga diarahkan supaya mengadakan majlis tahlil dan doa selamat pada 11 Mei ini.

Mengenai kitab Injil bahasa Iban bertajuk 'Bup Kudus' yang diharamkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang dibantah Majlis Gereja Malaysia, Abdullah berkata, isu itu sudah dibawa ke Kabinet.

"Keputusan mengenainya akan dibuat selepas pertemuan dengan anggota majlis gereja itu.

"Datuk Amar Leo Moggie (Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia) menerangkan kepada saya mengenai buku itu sebagai kitab Injil yang diterjemahkan ke dalam bahasa Iban," katanya.

Bup Kudus, kitab injil dalam bahasa Iban digunakan meluas oleh gereja di Sarawak sejak edisi pertamanya dikeluarkan pada 1988. Ia adalah antara 35 buku yang diharamkan KDN, minggu lalu.